

D656

U B866 AAB
MAHATHIR - KONGRES
(I)

KUALA LUMPUR, 13 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENYERU NEGARA-NEGARA ASEAN MENGAJAI KEPERLUAN SUPAYA KERJASAMA SERANTAU SETARAF DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA MASING-MASING.

AMALAN SEUMPAMA ITU BOLEH DILAKSANAKAN SELAGI IA TIDAK MENJEJASKAN EKONOMI NEGARA-NEGARA BERKENAAN, KATANYA SEMASA BERUCAP KEPADA PARA PESERTA KONGRES EKONOMI ASEAN YANG PERTAMA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KELANGSUNGAN HIDUP DAN KEMAKMURAN ASEAN BERGANTUNG KEPADA KESEDIAAN NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA BEKERJASAMA MELAMPAUI PERTIMBANGAN EKONOMI INDIVIDU SEKARANG.

KATA PERDANA MENTERI, PERDAGANGAN DI KALANGAN ASEAN PERLU DIPERTINGKATKAN SEMENTARA PERJANJIAN KEISTIMEWAAN DAGANGAN (PTA) HENDAKLAH TERMASUK BARANGAN YANG MEMBERI MAKNA KEPADA KONSEP KEISTIMEWAAN DAGANGAN.

BELIAU BERKATA TINDAKAN SUSULAN YANG LOGIK KE ARAH MEMPERTINGKATKAN PERDAGANGAN ANTARA NEGARA ASEAN IALAH MEMPERLUASKAN PELUANG PERDAGANGAN MELALUI LANGKAH MEMBUKA PASARAN BAGI BARANGAN DARI NEGARA-NEGARA ANGGOTA.

-- LAGI

1238MST 13 03 87

D664

U B871 AAB
MAHATHIR - KONGRES 2 KUALA LUMPUR
(I)

+WALAUPUN DIAKUI BAHAWA KEPENTINGAN NEGARA PERLU DILINDUNGI TETAPI SATU LAGI FAKTOR YANG HARUS DIAMBIL-KIRA IALAH KESEDARAN BAHAWA PEROLEHAN SERANTAU JUGA MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA ASEAN PERLU MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENJALIN HUBUNGAN YANG LEBIH RAPAT DAN KONSTRUKTIF DAN TIDAK MENUNGGU TERLALU LAMA UNTUK MENILAI DAN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERUBAHAN SEMASA MENGHADAPI KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA.

+NEGARA-NEGARA BERKENAAN HENDAKLAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TERTENTU DALAM KERJASAMA SERANTAU DI SAMPING MEMPERBAIKI BENTUK KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN,+ KATA BELIAU.

MENGENAI KEADAAN EKONOMI DUNIA, PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN EKONOMI DUNIA MENGALAMI PERUBAHAN PESAT SEJAK PENUBUHAN ASEAN DAN PERUBAHAN PALING KETARA IALAH KEJATUHAN HARGA KOMODITI DAN PENURUNAN NILAI MATAWANG NEGARA-NEGARA ASEAN YANG TERPAKSA DILAKUKAN.

KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH PENGELUAR KOMODITI TERMASUK ASEAN DAN PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA PENGEKSPORT MINYAK (OPEC) JELAS MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU DAN MENAMBAH KATA PADA TAHUN 1986 SAHAJA, NEGARA-NEGARA MAJU MENERIMA KIRA-KIRA AS\$100,000 JUTA DARI NEGARA SEDANG MEMBANGUN. -- LAGI

1301MST 13 03 87

U B874 AAB
MAHATHIR - KONGRES 3 KUALA LUMPUR
(I)

MENGENAI DASAR PERLINDUNGAN PERDAGANGAN, BELIAU BERKATA
KECENDERUNGAN INI AKAN MENJERAT KEBANYAKAN NEGARA-NEGARA SEDANG
MEMBANGUN DAN MENJEJASKAN PENDAPATAN HASIL EKSPORT NEGARA-NEGARA
BERKENAAN.

KATANYA, DALAM MENGHADAPI PERUBAHAN YANG RADIKAL INI,
NEGARA-NEGARA ASEAN BOLEH MENCONTOHI NEGARA-NEGARA BARU
PERINDUSTRIAN SEPerti TAIWAN, KOREA SELATAN DAN HONG KONG YANG
KEDUDUKANNYA LEBIH BAIK SEKARANG ATAU MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA
KETINGGIAN NILAI YEN JEPUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA LANGKAH-LANGKAH INI
MUNGKIN BOLEH MEMBANTU MERANGSANGKAN EKONOMI NEGARA-NEGARA ASEAN.

+BAHAYANYA IALAH APABILA EKSPORT BARANGAN KILANG MENINGKAT, KITA
MUNGKIN TERPAKSA MENKAKAJI SEMULA NILAI MATAWANG SEPerti YANG
TERPAKSA DILAKUKAN OLEH JEPUN. KITA MUNGKIN TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN
LAIN,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA SEBAGAI PERTUBUHAN SERANTAU, ASEAN PERLULAH
MENKAKAJI FAEDAH DARIPADA SEGI EKONOMI HASIL KERJASAMANYA DAN
NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA TIDAK PERLU MENGENEPIKAN SAMA SEKALI
ASPIRASI KEBANGSAAN MASING-MASING. -- LAGI
1323MST 13 03 87

U B879 AAB
MAHATHIR - KONGRES 4 KUALA LUMPUR
(I)

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM TEMPOH 20 TAHUN PERTAMA PENUBUHAN
ASEAN, TUMPUAN UTAMANYA IALAH POLITIK TETAPI MASIH ADA ORANG YANG
MENGANGGAP ASEAN SEBAGAI BAYANGAN KESATUAN EKONOMI EROPAH (EEC).

WALAU BAGAIMANAPUN, KATANYA, KEPUTUSAN UNTUK BEKERJASAMA DALAM
BIDANG POLITIK DAN MENYELESAIKAN PERBALAHAN DI KALANGAN NEGARA JIRAN
MELALUI PERUNDINGAN TIDAK BERMakNA LANGKAH ITU TIDAK MEMBAWA FAEDAH
DARIPADA SEGI EKONOMI.

+KEPUTUSAN UNTUK BEKERJASAMA DALAM BIDANG POLITIK BUKAN SAHAJA
MENUNJUKKAN KEMATANGAN PARA PEMIMPIN ASEAN SEBELUMNYA BAHKAN
MELETAKKAN ASAS KE ARAH KEMAJUAN EKONOMI NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA,+
KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

YANG TURUT MENGHADIRI KONGRES ITU IALAH MENTERI PERDAGANGAN DAN
PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, DAN Pengerusi KUMPULAN 14
MENGENAI KERJASAMA EKONOMI DAN INTEGRASI ASEAN, DATUK PAUL LEONG. --
BERNAMA

1343MST 13 03 87